

STRATEGI PELAKSANAAN
PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT
PEMBELAJARAN (FASA 2)

NAMA PUSAT : DISCOVERY LEARNING CENTRE

FUNGSI : DISCOVERY@PENEROKAAN

TAJUK : KERETA CIKGU SAYA

BIL	PERKARA	CATATAN	
1	STANDARD KANDUNGAN	SA 2.1	Membuat pemerhatian menggunakan kelima-lima deria
2	STANDARD PEMBELAJARAN	SA 2.1.1	Memerhati persekitaran menggunakan deria: (i) Penglihatan (ii) Pendengaran
		BM 1.4.3	Bersoal jawab menggunakan ayat mudah
3	STREAM	S	Menyiasat bahagian fizikal sesebuah kenderaan
		T	Meneroka bahagian fizikal kereta seperti radio, enjin dan lampu
		R	Membaca doa menaiki kenderaan
		E	Melakar kereta cikgu dengan kreativiti kanak-kanak
		A	Mewarna atau menghias gambar kereta mengikut kreativiti kanak-kanak
		M	Mengenal dan mengira dan bilangan komponen kereta.
4.	OBJEKTIF PEMBELAJARAN	Mengenal bahagian dan fungsi setiap komponen di dalam sebuah kereta	
5	BBM	Kereta sebenar (kereta cikgu), Kertas A4, Pensil, dan warna pensil	
6	NILAI MURNI	Bekerjasama dalam kumpulan, berani, yakin, menghormati orang lain dan sabar	
7	<u>STRATEGI PELAKSANAAN</u>		

1. Guru membawa kanak-kanak ke luar kelas dan berdiri dalam bulatan.
2. Guru menerangkan tentang langkah-langkah keselamatan semasa berada di luar TABIKA dan semasa berada di dalam kereta.
3. Guru menunjukkan keretanya kepada kanak-kanak.
4. Guru bertanyakan soalan :
 - i. Siapa ada kereta??
 - ii. Siapa pernah naik kereta?
 - iii. Apakah kegunaan kenderaan?
5. Guru membawa kanak-kanak meneroka bahagian-bahagian fizikal kereta sebenar. (Boleh menggunakan kereta guru untuk aktiviti ini)
6. Kanak-kanak meneroka dan mengenali bahagian-bahagian kereta dan mengira setiap komponen kereta.
7. Kanak-kanak melakar kereta mereka mengikut kreativiti masing-masing.
8. Hasil lakaran kereta kanak-kanak dipamerkan di pusat pembelajaran.
9. Kanak-kanak bersoaljawab dengan guru tentang bahagian-bahagian kereta.

Nota:

guru boleh menyediakan pelbagai BBM berdasarkan kreativiti guru serta minat kanak-kanak